Glosari, Akronim dan Singkatan

Glosari

Aliran portfolio
Transaksi merentas sempadan yang melibatkan pembelian/jualan sekuriti hutang atau ekuiti.

Aset kewangan isi rumah
Aset yang dimiliki isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Aset kewangan mudah tunai isi rumah (LFA)
Aset kewangan isi rumah kecuali caruman KWSP.

Aset wajaran risiko (RWA)
Ukuran dedahan risiko sesebuah bank.

Bank asing diperbadankan di Malaysia (LIFB)
Bank komersial atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia.

Dana insentif untuk e-pembayaran (ePIF)
Rangka kerja yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2015, yang memerlukan bank-bank menyalurkan sebahagian daripada fi pemprosesan cek yang dikutip untuk dijadikan insentif bagi menggalakkan pelanggan berpindah kepada e-pembayaran.

Ejen perbankan
Penyediaan perkhidmatan perbankan kepada pelanggan melalui ejen pihak ketiga. Contohnya, melalui saluran perniagaan runcit dan pejabat pos.

Ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1)
Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, premium saham, perolehan tertahan dan rizab lain.

Hutang berisiko – isi rumah
Bahagian hutang peminjam yang mempunyai margin kewangan negatif kepada jumlah hutang isi rumah, yang diselaraskan dengan cagaran yang layak.

Hutang berisiko – syarikat bukan kewangan
Bahagian hutang syarikat dengan nisbah perlindungan faedah kurang daripada dua kali jumlah hutang syarikat.

Jumlah modal
Jumlah modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah CET1, modal tambahan kumpulan 1 dan kumpulan 2.

Kadar diskaun peniaga (MDR)
Fi yang dibayar peniaga kepada pemeroleh (acquirer) untuk urus niaga menggunakan kad pembayaran. MDR terdiri daripada fi pertukaran (fi yang dibayar pemeroleh kepada pengeluar kad pembayaran), fi pemprosesan dan fi lain yang dikenakan oleh pengendali rangkaian kad pembayaran serta kos lain yang ditanggung pemeroleh dan margin pemeroleh.

Kadar mungkir vintaj
Kadar pinjaman mungkir yang dicatat dan dikategorikan mengikut tempoh permulaan (origination period).

Kadar penembusan
Peratusan warganegara Malaysia yang memiliki polisi insurans hayat individu atau sijil takaful keluarga, tidak mengambil kira polisi/sijil lain dalam kategori yang sama.

Kebarangkalian mungkir (PD)
Kebarangkalian satu pihak mungkir terhadap obligasi kontraknya dengan institusi kewangan untuk suatu tempoh masa tertentu.

Kerugian akibat mungkir (LGD)
Peratusan daripada baki tuntutan terkumpul yang tidak akan diperoleh kembali sekiranya berlaku kemungkiran.

Keuntungan/kerugian operasi
Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pelaburan bersih dan pendapatan lain, yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Keuntungan/kerugian pengunderaitan
Pendapatan premium/sumbangan diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen dan perbelanjaan pengurusan, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Kontrak hadapan tanpa serahan (NDF)
Kontrak hadapan yang diurusniagakan di luar pesisir dan tidak melibatkan pertukaran dua jenis mata wang berlainan apabila matang.

Kumpulan perbankan domestik (DBG)
Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersil berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen.

Lebihan yang dijana
Perubahan dalam lebihan penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dalam suatu tempoh tertentu. Lebihan ini ialah lebihan dana risiko pemegang polisi/peserta yang dibahagi dengan liabiliti polisi/sijil bersih.

Margin faedah/kewangan bersih
Pendapatan faedah ditolak perbelanjaan faedah dan bukan faedah (seperti kos kakitangan, overhed dan peruntukan) sebagai peratusan daripada jumlah aset berkaitan faedah.

Margin faedah/kewangan kasar
Pendapatan faedah ditolak perbelanjaan faedah sebagai peratusan daripada jumlah aset berkaitan faedah.

Margin kewangan (FM)
Pendapatan boleh guna bulanan peminjam (selepas ditolak bayaran balik hutang dan perbelanjaan untuk keperluan asas) dan aset kewangan mudah tunai.

Mata wang digital
Nilai dalam bentuk digital yang berfungsi sebagai medium pertukaran dan boleh ditukar ganti dengan apa-apa wang (termasuk melalui kredit ke dalam atau debit daripada akaun), tetapi tidak termasuk wang elektronik.

Modal kumpulan 1
Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1) dan modal tambahan kumpulan 1.

Nisbah bendungan (Retention ratio)
Nisbah premium/sumbangan kasar ditolak insurans semula/takaful semula yang tersid, kepada premium/sumbangan kasar yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Nisbah kecukupan modal (CAR)
Pengukur modal institusi kewangan yang dinyatakan sebagai nisbah modal kepada risiko.

Nisbah kerugian (Loss ratio)
Nisbah tuntutan bersih yang telah dibayar kepada pendapatan premium/sumbangan yang diperoleh, meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Nisbah khidmat hutang (DSR)
Nisbah jumlah hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun).

Nisbah leveraj (hutang) – isi rumah
Nisbah jumlah hutang terkumpul kepada pendapatan kasar tahunan peminjam.

Nisbah leveraj (hutang) – perbankan
Nisbah 'modal kumpulan 1' kepada 'dedahan di dalam dan luar penyata kedudukan kewangan' sesebuah bank.

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR)
Nisbah pendanaan stabil tersedia (available stable funding, ASF) kepada pendanaan stabil yang diperlukan (required stable funding, RSF) bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran kestabilan masing-masing, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan berwajaran mudah tunai masing-masing.

Nisbah perlindungan faedah (ICR)
Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang.

Nisbah perlindungan mudah tunai (LCR)
Nisbah 'aset mudah tunai berkualiti tinggi (HQLA)' kepada 'jangkaan aliran keluar tunai bersih' bank untuk tempoh 30 hari akan datang.

Nisbah pinjaman kepada dana (LTF)
Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit dan instrumen hutang, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman yang dibiayai akaun pelaburan Islam.

Nisbah pinjaman kepada deposit (LTD)
Nisbah jumlah pinjaman kepada deposit, tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas, penempatan antara bank, dan pinjaman yang dibiayai akaun pelaburan Islam.

Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas bersih
Nisbah pinjaman/pembiayaan terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman/pembiayaan ditolak peruntukan tertentu.

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (CASTD)
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat bagi mengukur mudah tunai.

Penampan modal kitaran berbalas (CCyB)
Penampan modal untuk melindungi sektor perbankan keseluruhannya daripada risiko sistemik yang meningkat disebabkan pertumbuhan kredit agregat yang tinggi sewaktu pertumbuhan ekonomi pesat.

Penampan pemeliharaan modal (CCB)
Penampan modal untuk menggalakkan pengumpulan modal penampan oleh setiap bank dalam keadaan yang biasa yang boleh digunakan ketika tempoh tekanan.

Pendapatan faedah/kewangan bersih
Pendapatan faedah/pembiayaan selepas ditolak perbelanjaan faedah/pembiayaan.

Premium/sumbangan baharu – insurans hayat dan takaful keluarga
Premium/sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu.

Premium dan sumbangan kasar
Premium/sumbangan belum terima sebelum potongan komisen, pembrokeran atau perbelanjaan lain yang meliputi semua penanggung insurans dan pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula/pengendali takaful semula am.

Produk berkaitan pelaburan
Insurans hayat atau takaful keluarga yang nilai polisi/sijilnya akan berubah pada bila-bila masa mengikut nilai aset sandaran pada masa itu.

Produk sertaan
Produk insurans/takaful yang berkongsi lebihan boleh agih penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga melalui bonus atau dividen.

Saling boleh kendali
Keupayaan memproses pembayaran menerusi pelbagai penyedia perkhidmatan pembayaran dengan menggunakan piawaian yang sama dan/atau aspek teknikal yang serasi.

***Sandbox* Pengawalseliaan**
Rangka kerja yang membolehkan penyelesaian teknologi kewangan yang inovatif dieksperimen dalam situasi pasaran sebenar mengikut parameter dan jangka masa yang ditetapkan.

Sukuk
Sekuriti hutang berstruktur di bawah apa-apa kontrak yang berlandaskan Syariah.

Syarikat korporat bukan kewangan
Syarikat yang aktiviti utamanya ialah mengeluarkan barangan dan/atau perkhidmatan bukan kewangan.

Unit harta tanah tidak terjual
Unit harta tanah siap dibina dengan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang masih tidak terjual selama lebih sembilan bulan selepas dilancarkan di pasaran.

Akronim dan Singkatan

AAOIFI	Pertubuhan Perakaunan Dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions)
AICB	*Asian Institute of Chartered Bankers*
AIIF	Rangka Kerja Integrasi Insurans ASEAN (ASEAN Insurance Integration Framework)
API	*Application Programming Interface*
ASAS	Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia)
ATM	mesin juruwang automatik (automated teller machine)
BCBS	Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision)
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compounded annual growth rate)
CAR	nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio)
CCA	Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act)
CCBS	spread swap asas mata wang bersilang (Cross-currency basis swap)
CCRIS	Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System)
CDD	usaha wajar pelanggan (customer due diligence)
CDRC	Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee)
CIIF	Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (Chartered Institute of Islamic Finance Professionals)
CIS	skim pelaburan kolektif mudah tunai (collective investment scheme)
CLM	pengurusan mudah tunai berpusat (centralised liquidity management)
CNP	transaksi kad pembayaran yang tidak melibatkan penggunaan kad secara fizikal (card-not-present)
CoP	Komuniti Pengamal (Community of Practitioners)
CPIF	Ahli Profesional Bertauliah Dalam Kewangan Islam (Chartered Professional in Islamic Finance)
CSA	Penasihat Syariah Bertauliah (Certified Shariah Advisor)
CSP	Pengamal Syariah Bertauliah (Certified Shariah Practitioner)
DII	Pelabur Institusi Domestik (Domestic Institutional Investor)
DNFBP	Perniagaan dan Profesional Bukan Kewangan yang Ditetapkan (Designated Non-Financial Business and Profession)
DRSK	Risiko Kredit Bloomberg (Bloomberg Default Risk)
eKYC	Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (electronic Know-Your-Customer)
EMV	Europay-Mastercard-Visa
ePIF	Dana Insentif untuk e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund)
FC	mata wang asing (foreign currency)
FCB	*Fellow, Chartered Banker*
FFW	Program *Fit-for-Work*
FI	institusi kewangan (financial institution)
Fintech	teknologi kewangan
FMC	Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee)
FMSI	Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index)
FSC	Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (Financial Stability Committee)
FSTEP	Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme)
FX	pertukaran asing (foreign exchange)
GAP	Perlindungan Aset Terjamin (Guaranteed Asset Protection)
IAIS	Persatuan Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors)
IAP	Platform Akaun Pelaburan (Investment Account Platform)
IBG	Giro Antara Bank (Interbank GIRO)
ICS	Piawaian Modal Insurans Global Berasaskan Risiko (Risk-based Global Insurance Capital Standard)

ICTF	Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework)
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (International Financial Reporting Standards)
IHRM	Indeks Harga Rumah Malaysia
IIID	*Integrated Income Indebtedness Database*
INCEIF	Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance)
ISRA	Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy)
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KDNK	keluaran dalam negeri kasar
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LIBOR	Kadar Tawaran Antara Bank London
LIFB	bank asing diperbadankan di Malaysia
LR	Nisbah Leveraj (Leverage Ratio)
LTF	pinjaman kepada dana
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MCCS	Spesifikasi Kad Cip Malaysia (Malaysian Chip Card Specification)
MDF	Dana Pembangunan Pasaran (Market Development Fund)
MDR	Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate)
MEPS	Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd.
MFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards)
MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issue)
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security)
MOOC	kursus terbuka dalam talian (massive open online course)
MPS	Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia
MSC	Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor)
MTA	Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association)
MyClear	Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd.
NAMLIFA	Persatuan Kebangsaan Penasihat Insurans Hayat dan Takaful Keluarga Malaysia (National Association of Malaysian Life Insurance and Family Takaful Advisors)
NBFI	institusi kewangan bukan bank
NCC	Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram
OPK	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
P2P	antara individu (person-to-person)
PayNet	Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.
PCRF	Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework)
PIN	Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number)
POS	semasa jualan (point-of-sale)
PPK (DMP)	Program Pengurusan Kredit (Debt Management Programme)
PPK (FSP)	penyedia perkhidmatan kewangan (financial services provider)
QR	Respons Pantas (Quick Response)
RBC	Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans (Risk-Based Capital Framework for Insurers)
RBCT	Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators)
RENTAS	Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-Time Electronic Transfer of Funds And Securities System)
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SMS	Khidmat Pesanan Ringkas (Short Messaging Service)
STP	Pemprosesan Terus (straight-through-processing)
SWIFT	*Society For Worldwide Interbank Financial Telecommunication*
TPFT	Pihak Ketiga, Kebakaran Dan Kecurian (third party, fire and theft)
VBI	Pengantaraan Berasaskan Nilai

Rencana dan Rencana Khas yang diterbitkan dalam Buletin Suku Tahunan BNM (Suku Pertama hingga Suku Keempat 2017)

Inflasi: Persepsi dan Realitinya
https://bnm.my/qb17s1ba1

Menyangkal Mitos: Langkah-langkah Berkaitan Pembiayaan Harta Tanah Menyebabkan Kadar Penolakan Pinjaman Lebih Tinggi
https://bnm.my/qb17s1ba2

Perbankan Pusat dan Ketidaksamaan: Perbincangan Semasa
https://bnm.my/qb17s1fa1

Ekonomi Perkongsian - Memanfaatkan Nilai Aset yang Terbiar
https://bnm.my/qb17s1fa2

Rantaian Nilai Global dan Pemacu Eksport Malaysia
https://bnm.my/qb17s2ba1

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemegangan Bon oleh Pelabur Asing di Malaysia
https://bnm.my/qb17s2ba2

Hasil Pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Rujukan: Ke Arah Amalan Lebih Cekap dan Telus
https://bnm.my/qb17s2fa1

Liberalisasi Perniagaan Insurans Motor: Ganjaran kepada Pemandu Berhemah
https://bnm.my/qb17s2fa2

Menilai Semula Insentif Pelaburan
https://bnm.my/qb17s3ba1

Ketidakseimbangan dalam Pasaran Harta Tanah
https://bnm.my/qb17s3ba2

Indeks Keadaan Kewangan Malaysia
https://bnm.my/qb17s3ba3

Memperkasakan Lembaga Pengarah: Ke arah Tadbir Urus Korporat Institusi Kewangan yang Lebih Mantap
https://bnm.my/qb17s3fa1

Rumah Mampu Milik: Cabaran dan Langkah Ke Hadapan
https://bnm.my/qb17s4ba1

Langkah-langkah Tidak Ortodoks untuk Masa Tidak Konvensional
https://bnm.my/qb17s4ba2

API (Application Programming Interface) Terbuka: Suatu Revolusi Kewangan
https://bnm.my/qb17s4fa1

Terjemahan Bahasa Malaysia
dikendalikan oleh:

Radin Nor Azam bin Radin Suhadi
Ismail bin Nik
Nazura binti Md Noor
Fatimah binti Yahya
Samsudin bin Jidin
Dr. Nik Ahmad Rozaidi bin Nik Abdul Rashid
Alharsikanil bin Abdul
Mazni binti Abdul Majid
Siti Sabariah binti Yaakob